

From: Sekretariat Media MBPJ/MBPJ
To: Media All MBPJ, Media News MBPJ
cc: Haniza Abdul Hamid/MBPJ@MBPJ, Ahmad Iskandar Mohamad Mukhtar/MBPJ@MBPJ, Nor Shalizawati Hj Baharudin/MBPJ@MBPJ

Date: Monday, October 13, 2014 04:36PM
Subject: UNTUK SIARAN SEGERA : KENYATAAN AKHBAR MAKLUMAT TERKINI ARAH ALIRAN LALULINTAS KE DESTINASI UTAMA BAGI SISTEM PELAKSANAAN JALAN SEHALA.

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (59)
Tarikh: 13 Oktober 2014

KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

MAKLUMAT TERKINI : ARAH ALIRAN LALULINTAS KE DESTINASI UTAMA BAGI PELAKSANAAN JALAN SEHALA DI PUSAT BANDAR SEKSYEN 52, PETALING JAYA

Berikut adalah arah aliran lalulintas ke destinasi utama yang terlibat dengan pelaksanaan jalan sehal di Jalan Sultan, Jalan Barat, Jalan Timur, Jalan Utara dan Jalan Yong Shook Lin.

1. AMCORP MALL / STESEN LRT TAMAN JAYA

Dari Shah Alam

Susur keluar ke Jejambat Timur ke Jalan Timur – Persiaran Barat masuk kanan ke Amcorp Mall atau terus dan belok kiri ke stesen LRT Taman Jaya.

Dari Kuala Lumpur

Susur keluar ke Jalan Timur, Persiaran Barat masuk kanan ke Amcorp Mall atau terus dan belok kiri ke Stesen LRT Taman Jaya.

2. HOTEL HILTON

Dari Shah Alam

Susur keluar ke Jejambat Timur ke Jalan Timur – Persiaran Barat – Jalan Barat dan masuk ke kanan ke Hotel atau dari Jalan Timur – Jalan Sultan ke Jalan Barat dan belok kanan ke Hotel.

Dari Kuala Lumpur

Susur keluar ke Jalan Timur – Persiaran Barat – Jalan Barat dan masuk ke kanan ke Hotel.

3. PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) / JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) / JABATAN KIMIA / MAHKAMAH SESYEN PETALING JAYA

Dari Shah Alam

Susur keluar ke Jejambat Timur – Jalan Timur susur kanan ke Jalan Sultan dan masuk kanan ke Lorong Produktiviti.

Dari Kuala Lumpur

Susur keluar ke Jalan Timur, susur kanan ke Jalan Sultan dan belok kanan ke Lorong Produktiviti.

4. DEWAN SIVIK / IBU PEJABAT MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Dari Shah Alam

Susur keluar ke Jejambat Timur, Jalan Timur – Jalan Selangor – Jalan Yong Shook Lin dan masuk kiri ke Ibu Pejabat MBPJ atau susur ke Jalan Templer – Bulatan Penchala ke Jalan Templer terus ke Bulatan Assunta belok kanan ke Jalan Selangor susur kiri keluar ke Jalan Yong Shook Lin dan belok kanan ke Dewan Sivik.

Dari Kuala Lumpur

Susur keluar ke Jejambat Timur – Jalan Timur terus ke Jalan Selangor – Jalan Yong Shook Lin dan masuk ke kiri ke Dewan Sivik / Ibu Pejabat MBPJ
atau

Susur keluar ke Jalan Gasing – Jalan Changgai – bulatan Jalan Sultan keluar kiri ke Jalan Selangor – Jalan Yong Shook Lin dan belok kiri masuk ke Dewan Sivik / Ibu Pejabat MBPJ.

Bagi aliran lalulintas sedia ada di Jalan Persiaran Barat ditukar kepada laluan sehalu. Manakala aliran lalulintas di Jalan Yong Shook Lin kekal seperti laluan sedia ada.

Para pemandu dinasihatkan supaya mematuhi semua pandu arah dan arahan pengawal lalulintas demi keselamatan orang ramai dan kelancaran lalulintas di kawasan berkenaan.

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi talian Hotline 24 jam 03-79542020, Jabatan Kejuruteraan MBPJ, 03-79584221 atau emel; jalan sehalasek52@mbpj.gov.my

Maklumat terkini akan dimaklumkan dari masa ke semasa dan boleh diperolehi di laman web rasmi Majlis www.mbpj.gov.my atau facebook : petaling jaya city council / twitter:pjcitycouncil.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695